

# APIC 2020: UPM rangkul 4 emas

**K**UMPULAN Inovasi KIK dan LEAN UPM berjaya merangkul empat anugerah emas bertaraf 5 Bintang di pertandingan inovasi Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020 anjuran Malaysia Productivity Corporation (MPC).

APIC adalah pertandingan kumpulan kecemerlangan inovasi peringkat kebangsaan dan kali pertama diadakan penjurian secara dalam talian berdasarkan video inovasi yang dihantar serta sesi soal jawab secara langsung dalam talian pada 17 hingga 20 November lalu.

Kumpulan KIK Langit Putra dari Putra Science Park & Pejabat TNCPi dan Kumpulan LEAN The Budders dari Taman Pertanian Universiti memenangi emas dan turut tersenarai dalam 20 kumpulan terbaik Sektor Awam Persekutuan.

Berikutan itu, mereka layak menyertai pertandingan kumpulan kecemerlangan (TE) di peringkat antarabangsa 2021 di Australia, India dan Indonesia.

Inovasi *Skyrider* yang diketuai oleh Asrizam Esam dari Kumpulan Langit Putra adalah alat pemotong dawai panjang pemegang tunggal yang dapat memotong



KUMPULAN inovasi KIK dan LEAN UPM yang berjaya merangkul empat anugerah emas dalam pertandingan inovasi APIC 2020, bulan lepas.



ALAT *skyrider* untuk memotong dawai panjang.

pengikat gegantung iklan atau dawai pada tiang lampu dengan pantas dan selamat tanpa penggunaan tangga.

Alat ini turut mampu membantu menyingkirkan masalah pencemaran dawai karat dan iklan haram pada tiang lampu dengan cepat.

Inovasi Putra Pro-Cut & Putra Fast-Snap yang diketuai oleh Mohd. Rosman Jamaludin dari Kumpulan The Budders pula adalah alat kaedah pembiakan pokok secara markot (tut) menjadi lebih efisien, meningkatkan produktiviti dan menjimatkan

kos pengeluaran serta dapat mengelakkan kecederaan.

Sementara itu, kumpulan D'Kulatz dan Kumpulan LEAN Niloticus United dari Taman Pertanian Universiti turut menerima anugerah emas masing-masing.

Projek Kawalan Kelembapan Bilik Cendawan diketuai oleh Zaliza Mahat itu dapat mengurangkan 75% kerosakan cendawan kekeringan, menjimatkan penyenggaraan dan meningkatkan hasil produktiviti.

Projek Ternakan Ikan

Menggunakan Sistem Ras yang diketuai oleh Muriati Fauzana Mokhtar, Kumpulan Niloticus United pula berjaya mengurangkan kos air serta meningkatkan kualiti ikan yang konsisten dan lebih baik.

Semua inovasi itu berjaya membantu meningkatkan kualiti dan kuantiti perkhidmatan kerja di UPM.

APIC 2020 disertai oleh 120 organisasi sektor swasta dan awam. Majlis perasmianya dilakukan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Senator Datuk Lim Ban Hong.